

10 MAY 1998

Pertanian

USAHAWAN TANI DIPELAWA LABUR DI TAMAN PERTANIAN RHU TAPAI

SETIU, 10 Mei (Bernama) -- Kerajaan Terengganu mempelawa para usahawan tani supaya melabur di kawasan Taman Pertanian Rhu Tapai di Setiu bagi meningkatkan lagi pengeluaran hasil pertanian negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan dan Pembangunan Industri negeri Datuk Mamat Ghazalee Abdul Rahman berkata keluasan taman itu akan ditambah 200 hektar lagi menjadi 400 hektar penghujung tahun ini bagi kemudahan usahawan tani mengusahakan projek pertanian secara komersil.

"Pada masa sekarang, kita lihat ada golongan usahawan tani yang berminat untuk projek pertanian tetapi tidak mempunyai tanah oleh itu peluang yang diberikan di taman pertanian ini perlu direbut oleh mereka," katanya ketika ditemui di taman pertanian itu hari ini.

Beliau berkata kawasan seluas 60 hektar di situ telah ditanam dengan tembikai melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1 juta dan hasilnya kelak akan dieksport ke Hong Kong dan Taiwan.

Selain itu, 120 hektar lagi ditanam dengan pelbagai tanaman seperti bawang, ciku subang, roselle dan sayur-sayuran.

Mamat Ghazalee juga berkata pengusaha projek tanaman tembikai itu juga mengambil beberapa orang rakyat miskin melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin di sekitar daerah Setiu untuk diberikan kerja mengusahakan kawasan ladang di situ.

"Ini sebagai satu lagi cara untuk membantu golongan miskin menambah pendapatan mereka," katanya.

Katanya Jabatan Pertanian sedang membuat kajian untuk mempelbagaikan lagi bentuk tanaman di kawasan tanah berpasir kerana tanggapan masyarakat kawasan berpasir tidak produktif untuk sebarang bentuk tanaman.

Taman pertanian itu yang terletak kira-kira 40km dari Kuala Terengganu dijadualkan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi tarikh perasmianya belum ditentukan lagi.

-- BERNAMA

sbs oba